

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN NO : 61

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah permohonan untuk projek baik pulih rumah rakyat miskin dan perancangan untuk menambahkan lagi peruntukannya untuk daerah Sik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan permohonan dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih), permohonan bantuan rumah bagi negeri Kedah adalah sebanyak 1,337 permohonan manakala bagi daerah Sik, sebanyak 296 permohonan direkodkan.
2. Bagi tahun 2019, sebanyak RM 11.6 juta telah diperuntukkan di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi negeri Kedah dengan pecahan RM 3.9 juta untuk bantuan bina baharu dan RM 7.7 juta untuk bantuan baik pulih rumah. Dengan jumlah ini disasarkan sebanyak 63 buah bina baharu dan 533 unit baik pulih. Peruntukan berkenaan telah pun diagihkan mengikut daerah dan khusus bagi daerah Sik, sebanyak 6 unit bina baharu dan 50 unit baik pulih rumah telah diperuntukkan. Dengan pelaksanaan inisiatif pembinaan secara *Industrialised Building System* (IBS) telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian, dijangkakan akan terdapat penjimatan kos yang membolehkan tambahan unit rumah dapat disediakan kepada penerima yang layak.